

KANUN TANAH NEGARA

**PERISYTIHARAN JUALAN
PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN
DALAM PERKARA SEKSYEN 263 KANUN TANAH NEGARA 1965
RUJUKAN FAIL: PTPK/04/A/PPJ/2024/11 (LELONGAN KEDUA)**

Di antara

**LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM
Pemegang Gadaian**

Dan

**NOR IZAM BIN ABDULLAH
Penggadai**

Menurut Perintah Jualan atas permintaan Pemegang Gadaian oleh Pentadbir Tanah Kerian yang diperbuat pada 12 Disember 2024 dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Kerian

AKAN MENJUAL SECARA

LELONGAN AWAM

**PADA HARI KHAMIS BERTARIKH 17/07/2025 JAM 10:00 PAGI
DI PERKARANGAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH KERIAN**

NOTA: Bakal-bakal pembida adalah dinasihatkan agar membuat carian rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartanah tersebut sebelum jualan lelong. Bakal-bakal pembida juga digalakkan membuat permohonan atas talian melalui Portal Awam Sistem eTanah di <https://ptg.perak.gov.my/portal/> .

BUTIR-BUTIR HARTANAH

Jenis dan Nombor Hakmilik	GM 00003342
No. Lot/PT	Lot 26171
Bandar/Pekan/Mukim	Mukim Selinsing
Keluasan Tanah	357 Meter Persegi
Tempoh Pegangan	Selama-lamanya
Cukai Tanah	RM54
Kategori	Bangunan
Syarat Nyata	Kediaman - Sebuah Rumah Kediaman
Sekatan Kepentingan	TIADA
Kawasan Rizab	Tidak
Nama Penggadai	NOR IZAM BIN ABDULLAH
Bebanan	Digadaikan kepada LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM mengikut No. Perserahan 04SC411/2009.
Lokasi Tanah	Didaftarkan pada 10 Mac 2009 Hartanah ini terletak di alamat NO. 25, JALAN SATU, TAMAN SELINSING MELATI, 34400 SIMPANG AMPAT SEMANGGOL, PERAK

HARGA RIZAB: RM 342,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Empat Puluh Dua Ribu Sahaja)

Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

1. Penawar memiliki jumlah wang dalam bentuk bank draf di atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada jumlah harga Rizab yang ditetapkan iaitu RM 34,200.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Puluh Empat Ribu Dua Ratus Sahaja)
2. Amaun penuh harga jualan boleh dibayar oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian serta-merta selepas tukul diatuhkan oleh Pentadbir Tanah;
3. Di mana amaun penuh harga jualan yang tidak dibayar oleh penawar yang berjaya selepas tukul diatuhkan oleh Pentadbir Tanah :-
 - i. maka jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (1) akan dilucuthak untuk membayar seluruh wang yang telah genap masa; dan
 - ii. baki deposit seperti tersebut di atas akan dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah wang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
4. Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh **14 November 2025** dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan;
5. Di mana harga belian sepenuhnya tidak dapat diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (4), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (3) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267 Kanun Tanah Negara 1965.
6. Penawar yang ingin mengambil bahagian dalam lelongan ini hendaklah terlebih dahulu mendaftar dan menyerahkan bank draf sebagai bayaran deposit seperti yang dinyatakan dalam para 1 tiga puluh (30) minit sebelum masa lelongan. Mana-mana penawar yang gagal mendaftar dan menyerahkan bank draf tidak layak mengambil bahagian dalam lelongan ini.



Bertarikh pada 06 Mei, 2025

**Pentadbir Tanah
Daerah Kerian
Negeri Perak Darul Ridzuan**